




HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
Kod Dokumen: HSAAS/RADIO/SL08

**SLIP PERSEDIAAN PESAKIT
PEMERIKSAAN BARIUM**

| | |
|--|---|
| | TARIKH TEMUJANJI : _____ |
| | MASA TEMUJANJI : _____ |
| | KEADAAN PESAKIT : <input type="checkbox"/> BERJALAN <input type="checkbox"/> BERKERUSI RODA <input type="checkbox"/> BERKATIL |

Pemeriksaan *Barium* merupakan pemeriksaan X-Ray untuk mencari punca masalah sistem gastrointestinal/saluran gastrousus, dimana gambar x-ray akan diambil sebelum, semasa dan selepas Cecair Barium dimasukkan.



PERSEDIAAN SEBELUM PEMERIKSAAN (PESAKIT DEWASA SAHAJA)

2 hari sebelum pemeriksaan. Tarikh: _____ dan _____

1. Makan makanan yang mudah dihadam seperti bubur nasi atau roti.
2. Elakkan makan makanan yang sukar dihadam seperti daging, ayam sayur-sayuran dan kekacang.
3. Dilarang merokok dan minum minuman yang berkarbonat.
4. Minum air kosong 8 hingga 10 gelas sehari.

1 hari sebelum pemeriksaan. Tarikh: _____

1. Ulangi langkah 1 hingga 4 di atas.
2. Makan 3 biji tablet *Dulcolax* selepas makan malam.
3. Mula **BERPUASA** selepas jam 10.00 malam.
4. Jika anda mempunyai sejarah alahan kepada makanan atau ubatan serta asthma, sila ikuti arahan pengambilan ubat berikut:
 - 12 Jam sebelum pemeriksaan - Prednisolone 40mg-8 biji
 - 2 Jam sebelum pemeriksaan - Prednisolone 40mg-8 biji

Hari pemeriksaan. Tarikh: _____

DILARANG makan atau minum kecuali ubat-ubatan yang diarahkan oleh doktor anda. Mula berpuasa 6 jam sebelum waktu pemeriksaan.

PADA HARI PEMERIKSAAN

1. Persediaan anda akan disemak merujuk kepada senarai semak yang diberikan semasa temujanji. Pemeriksaan anda berkemungkinan akan ditunda ke satu tarikh lain sekiranya arahan persediaan tidak dipatuhi.

SEMASA PEMERIKSAAN

1. Anda akan diminta untuk baring di atas meja pemeriksaan atau diposisikan mengikut jenis imbasan.
2. Anda akan diminta minum cecair media kontras iaitu barium sulphate dan selepas beberapa minit pakar radiologi akan mengambil beberapa siri imej fluoroskopi. Semasa siri imej ini diambil anda akan diminta untuk melakukan beberapa posisi tertentu dengan dibantu oleh juru X-ray sehingga selesai pemeriksaan tersebut.
3. Pemeriksaan ini mengambil masa antara 30 – 45 minit.

SELEPAS PEMERIKSAAN

1. Anda boleh makan dan minum seperti biasa selepas pemeriksaan selesai.
2. Kakitangan bertugas akan memastikan kondisi anda dalam keadaan stabil sebelum meninggalkan jabatan.
3. Anda digalakkan mengambil banyak minuman air kosong dalam masa 24 jam selepas pemeriksaan.
4. Najis akan berwarna putih untuk beberapa hari selepas pemeriksaan.
5. Berjumpa doktor anda dengan segera sekiranya:
 - Anda menghadapi masalah sembelit beberapa hari selepas pemeriksaan.
 - Sakit di bahagian abdomen (perut)

PERHATIAN :

Sila hubungi Kaunter Temujanji Jabatan Radiologi di talian **03-9769 9557/9535** sekiranya anda tidak dapat hadir pada tarikh yang telah ditetapkan/untuk sebarang pertanyaan berkenaan temujanji anda. Pihak kami berhak menunda, membatalkan atau menjadual semula temujanji sekiranya anda tiba lewat pada hari pemeriksaan.